

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Sukan
Sent: 10 Ogos 2016 12:09
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Mohd Sofian Bin Omar Fauzee
Subject: SUKUM 2016 : Tiga Acara Layak Ke Separuh Akhir



10 OGOS 2016 / 07 ZULKAEDAH 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

SUKUM 2016 : TIGA ACARA LAYAK KE SEPARUH AKHIR



PSUKAN ONLINE : Nilai, 10 Ogos 2016, tiga acara sukan mara ke peringkat separuh akhir pada hari ini dalam Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) Kali Ke-41, 2016 iaitu futsal lelaki, bola jaring senior dan bola jaring veteran.

Pasukan futsal lelaki akan bertemu pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di peringkat separuh akhir setelah berjaya menewaskan pasukan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) 5-1.

Turut memberi sokongan semasa perlawanan futsal berlangsung semalam, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni (HEP), Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Abdul Malek Haji Abdul Karim.

Manakala pasukan bola jaring senior akan bertemu pasukan dari Universiti Teknikal Melaka (UTeM) setelah memperolehi johan dalam kumpulan A.

Dalam pada itu, pasukan bola jaring veteran diperlawanan ketiga berjaya menewaskan pasukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan jaringan 20-18 sekaligus layak ke peringkat separuh akhir bertemu Universiti Malaya (UM) pada hari ini.

Sementara itu, bagi acara tenpin boling UUM gagal meraih sebarang pingat bagi acara berpasukan lelaki dan wanita. Perlawanan akan bersambung pada hari ini bagi acara *foursome* lelaki dan wanita.

Lain-lain perlawanan yang akan berlangsung pada hari ini, acara badminton campuran UUM bertemu pasukan tuan rumah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di peringkat kumpulan.

Manakala pasukan catur lelaki akan mula beraksi menerusi acara *lightning chess individu* dan *rapid chess*.

Semoga pasukan UUM beroleh kemenangan.

=====
DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my